

Kerajaan Yang Unggul Menurut Konfusianisme

WU DEYAO

Keistimewaan perkataan dalam tulisan Cina adalah ia ringkas dan padat, tetapi maknanya sungguh mendalam. Ucapan yang panjang lebar selalunya dapat disimpulkan dengan hanya satu perkataan atau frasa. Zeng Zi menggunakan dua perkataan *Zhong Shu* [taat dan kemaafan – penterjemah] untuk menyimpulkan ajaran Kongfuzi (*Lunyu*, artikel Liren: Bahagian 15). Kongfuzi pula hanya menggunakan tiga perkataan iaitu “pemikiran tanpa bidaah” untuk mengulas maksud yang terkandung dalam lebih daripada 300 artikel *Shijin* (Artikel Weizheng: Bahagian 2). Kongfuzi kemudian menggunakan “Raja bertindak sebagai Raja, menteri sebagai menteri, ayah sebagai ayah, anak sebagai anak” bagi menjawab pertanyaan Qi Jinggong berhubung dengan cara mentadbir negara (Artikel Yanyuan: Bahagian 11). Terhadap makmur atau mundur, hidup atau matinya sesebuah negara, Kongfuzi juga cuma menggunakan satu dua ayat untuk menjelaskan bagaimana keadaan tersebut boleh berlaku. Kata beliau: “Sekiranya mengetahui betapa sukarnya menjadi Raja; bukankah seolah-olah sepatih kata memakmurkan negara? Seandainya tutur bicara Raja tidak baik dan tidak terdapatnya suara bantahan, bukankah seolah-olah sepatih kata menghancurkan negara? (Artikel Zilu: Bahagian 15). Berhubung dengan prinsip menjadi insan, jawapan Kongfuzi adalah lebih tepat dan ringkas. Tanya Zigong: “Adakah sepatih kata boleh dijadikan amalan seumur hidup?” Jawab Kongfuzi: “shu”. *Shu* [kemaafan – penterjemah] boleh dikatakan sebagai “apa yang tidak dikehendaki diri sendiri, janganlah dikenakan kepada orang lain” (Artikel Weilinggong: Bahagian 23).

Jika hendak menggunakan beberapa perkataan, atau menggunakan satu perkataan untuk menyimpulkan idealisme dan pemikiran politik Kongfuzi, maka dua perkataan itu adalah manusia 人 [*Ren*, yaitu orang – penterjemah] dan 仁 [*Ren* yaitu kemanusiaan – penterjemah]. Titik permulaan pemikiran politik ajaran Konfuzi terletak pada manusia, dan manusia juga adalah matlamat akhir idealisme politik ajaran Konfuzi. Titik tolaknya berdasarkan insan, dan matlamat akhirnya juga terletak pada insan: supaya insan berusaha tidak berhenti-henti untuk memperbaiki diri sehingga menjadi *Junzi* (insan kamil), untuk seterusnya mencapai wilayah “bersuci pendeta alam batiniah, berciri raja alam jasmaniah.” *Ren* (仁) menurut hurufnya dalam tulisan Cina adalah umpama dua orang insan. Ia juga adalah hubungan sesama manusia, atau hubungan sesama insan menurut etika feodal, hubungan Raja dengan menteri, suami dengan isteri, ayah dengan anak, abang dengan adik serta sahabat handai. Hubungan sesama insan menurut etika feodal adalah tema pokok pemikiran politik ajaran Konfuzi. Justeru itu,

“pentadbiran *Ren*” adalah idealisme politik ajaran Konfuzi yang paling luhur. Makna “pentadbiran *Ren*” merangkumi “kesempurnaan amalan budi pekerti” pemerintah. Sekiranya pentadbiran *Ren* dan kesempurnaan amalan budi pekerti ini dicantum serta diamalkan, maka pentadbiran akhlak adalah pentadbiran *Ren*, manakala pentadbiran *Ren* adalah pentadbiran akhlak.

Pemikiran politik ajaran Konfuzi berhujung-pangkalkan manusia, menjulang tinggi status manusia sebagai makhluk yang terbijak di kalangan jutaan makhluk dan ini adalah suatu yang dapat diterima akal secara rasional; seikhlas kata Xun Zi:

Air dan api mempunyai nafas, tetapi tidak ada nyawa, rerumput dan pepohon mempunyai nyawa, tetapi tidak ada deria; beburung dan haiwan berkaki empat mempunyai deria, tetapi tidak faham akan erti silaturahim. Manusia bernafas, bernyawa, berderia dan juga mengetahui persaudaraan, justeru itu adalah paling mulia di “kolong langit”¹ ini. Tenaga manusia tidaklah seumpama lembu, berlari tidak mampu menandingi kuda, tetapi kuda dan lembu menjadi gunaan manusia. Mengapa? Jawapannya: Manusia mampu bersatu padu, walhal haiwan tidak boleh bersatu padu sesama mereka (Xun Zi, Artikel Wangzhi).

Mengzi sendiri pernah mengutarakan penghujahannya selangkah terdahulu daripada Xun Zi. Katanya, insan sesungguhnya mempunyai “hati yang berbelas ihsan”, dan ini tidak sama dengan jutaan makhluk lain. Jelasnya lagi, “insan tanpa hati yang berbelas ihsan, bukan insan” (Mengzi, Artikel Gongsunchou: Bahagian Awal). Mengzi seterusnya menjelaskan maksudnya dengan mengatakan sekiranya manusia tidak mempunyai erti hati nurani yang tahu akan perasaan malu dan mengenali kejahatan, tidak mempunyai sifat bertolak ansur, tidak tahu membezakan antara yang betul dengan yang salah, maka mereka juga tidak layak dinamakan manusia. Jika manusia mempunyai anggota empat kerat, hal demikian adalah suatu ciptaan yang sepatutnya pada diri mereka; tetapi mempunyai hati yang dapat merasai perasaan malu dan mengenali kejahatan, memiliki sifat bertolak ansur dan tahu membezakan antara yang betul dengan yang salah, sesungguhnya baharulah dapat dikira sebagai manusia.

Daripada kaca mata “sifat manusia” menurut ajaran Konfuzi itu, “pentadbiran *Ren* - kesempurnaan amalan akhlak” adalah juga suatu perlanjutan dan persambungan yang dapat diterima akal. “Pengamal *Ren* adalah insan” (Zhongyong: Bahagian 20). *Ren*, seperti yang dijelaskan di atas, adalah hubungan sesama manusia atau hubungan sesama manusia itu menurut etika feudal. Jika Raja dan Menteri sebuah negara mempunyai sifat keadilan, ayah dan anak bersifat berkasih sayang, suami isteri mempunyai persefahaman tentang tanggung jawab, orang tua dan muda mempunyai urutan, sahabat handai mempunyai amanah dan kepercayaan, semua orang menunaikan tanggung jawab dan kewajipan masing-masing, maka akan tercapailah tahap negara yang damai dengan rakyatnya hidup aman sentosa. Inilah kerajaan yang mengamalkan “pentadbiran *Ren* -

kesempurnaan amalan akhlak.” Menurut Mengzi, “Tiga buah dinasti (Hsia, Shang dan Zhou) boleh menguasai semua negara lain di kolong langit ini adalah disebabkan konsep *ren*. Ia kemudiannya kehilangan kesemuanya di kolong langit itu juga kerana tidak mengamalkan *ren*. Demikian juga dengan runtuhnya kemakmuran dan hidup matinya sebuah negara.” Mengzi memetik madah Kongfuzi: “Dua kaedah untuk mentadbir negara itu terletak antara yang boleh mengamalkan konsep *ren* dengan yang tidak boleh mengamalkan konsep *ren*.” Seandainya kezaliman dan penyeksaan yang melampau itu berleluasa, maka badan akan punah dengan negara itu juga musnah. Jika kezaliman itu tidak terlalu melampau, pemerintah sendiri juga akan berada dalam keadaan yang bahaya, dengan negara itu akan dicerobohi orang (Artikel Lilou: Bahagian Awal). Banyak contoh mengenai perkara ini telah dicatat dalam sejarah China. Mengzi menambah: “Ada orang mahu menjadi jagoan dengan menggunakan kuasa kekerasan bertopengkan *ren*, jagoan mesti mempunyai negara besar, orang yang menjadi raja mesti mengamalkan *ren* kesempurnaan budi pekerti, dan raja itu tidak bergantung pada keluasan negara.” Wilayah Shang Tang hanya seluas 70 li^2 , manakala negara Zhou Wen Wang hanya ada ratusan *li*, tetapi rajanya menjadi raja di kolong langit (Artikel Gongsunchou: Bahagian Awal). Xun Zi juga berkata: Manusia yang berbudi pekerti itu bergelar Raja, dengan manusia yang menggunakan kekerasan adalah lemah, dan manusia yang menyalahgunakan kekayaan adalah papa. Tidak berubah hal itu dahulu dan kini “

Tetapi, kunci untuk melaksanakan pentadbiran *ren* terletak pada manusia: dia melaksanakan pentadbiran itu bergantung pada manusia, maka wujudlah manusia pentadbiran yang terjulang; maka mati manusia itu hilanglah pula pentadbirannya” (Zhongyong: Bahagian 20). Lantaran itu, “Pengamal *ren* sesuai untuk jawatan tinggi, maka melantik orang yang tidak mengamalkan konsep *ren* ke jawatan tinggi itu adalah menabur benih kejahatan di kalangan khalayak ramai” (Artikel Lilou: Bahagian Awal). Yang dinamakan pengamal *ren* itu adalah orang yang berakhlak mulia yang mesti bermula dengan memperbaiki budi pekerti dirinya. Kata buku *Daxue*: “Bermula daripada *tianzi* [maharaja - penterjemah] sehinggalah kepada rakyat jelata dengan seluruhnya berasaskan prinsip memperbaiki budi pekerti diri masing-masing.” Memperbaiki budi pekerti diri adalah untuk mendirikan akhlak, dan mendirikan akhlak dalam kategori idealisme politik ajaran Konfuzi itu adalah *zhi* [kebijaksanaan – penterjemah], *ren* [kemanusiaan – penterjemah] dan *yong* [keberanian – penterjemah]. “Minat menuntut ilmu mesti mendekati *zhi* [kebijaksanaan – penterjemah], dan tekun melakukan kebaikan demi mendekati *ren* (kemanusiaan), dan tahu perasaan malu untuk mendekati *yong*. Setelah mengetahui ketiga-tiga itu taulah bagaimana memperbaiki budi pekerti diri. Seterusnya tahu bagaimana memperbaiki budi pekerti diri itu pula akan tahu bagaimana mentadbir insan. Akhirnya tahu bagaimana mentadbir manusia itu pula akan tahu bagaimana mentadbir negara di kolong langit” (Zhongyong: Bahagian 20).

Justeru itu, “Di masa dahulu, orang di kolong langit yang mahu menjernihkan akhlak mesti tahu mentadbir negaranya dahulu; orang yang mahu mentadbir negaranya itu tahu menjaga keluarganya dahulu; orang yang mahu menjaga keluarganya itu tahu memperbaiki budi pekerti diri dahulu; orang yang mahu memperbaiki budi pekerti diri itu tahu memperbetulkan hati nuraninya dahulu; Orang yang mahu memperbetulkan hati nuraninya itu tahu menjujurkan niatnya dahulu; orang yang mahu menjujurkan niat itu tahu memperkayakan khazanah ilmunya dahulu. Memperkayakan ilmu itu terletak pada cara kita mendalami kebenaran pelbagai kejadian, mengetahui kebenaran pelbagai kejadian adalah kerana ilmu itu tidak terbatas. Ilmu yang tidak terbatas itu hanya boleh didapati selepas niat menjadi jujur; niat hanya akan menjadi jujur selepas hati menjadi betul; hati hanya akan menjadi betul selepas budi pekerti diri diperbaiki; budi pekerti diri hanya akan diperbaiki selepas keluarga menjadi terkawal; keluarga itu hanya akan menjadi terkawal selepas negara menjadi terurus; negara akan menjadi terurus selepas adanya keamanan di kolong langit” (*Daxue*: Bahagian 1). Rangkaian kata-kata itu boleh dikatakan adalah secara yang berurutan sekaligus menggambarkan makna utama dalam pemikiran politik ajaran Konfuzi yang sebenar-benarnya.

Dalam mata hati ajaran Konfuzi, maharaja yang dilengkapi tiga ciri budi pekerti - *zhi* (kebijaksanaan), *ren* dan *yong* - itu adalah Yao, Shun, Tang, Zhou Wenwang, Wu Wang dan lain-lain. Mereka berjaya menguasai kolong langit berdasarkan pentadbiran *ren* kesempurnaan amalan budi pekerti. Kongfuzi memuji mereka seumpama bintang kutub utara, tinggi bergantung di langit dengan dipagari bebintang (Artikel Weizheng: Bahagian 3). Ini adalah kerajaan ajaran Konfuzi yang unggul, dasar pentadbiran *ren* kesempurnaan amalan akhlak yang terletak pada manusia dan mahu mentadbir manusia mestilah berasaskan memperbaiki budi pekerti diri. Jika ditinjau daripada ini, maka pandangan politik ajaran Konfuzi itu boleh dikatakan tidak boleh diasingkan kepada politik dan etika, lebih-lebih lagi setelah beliau mendahulukan etika dengan politik pula dikemudiankan, maka yang dahulu itu menjadi tunjang dan yang kemudian itu pula menjadi penghujung. “Segala perkara mempunyai hujung pangkalnya, dan setiap kejadian dan peristiwa itu mesti ada permulaan dan tamatnya, maka dengan mengetahui susunan dahulu kemudiannya itu akan membuat kita semakin menghampiri *dao* (*Daxue*: Bahagian 1).

II

Daripada zaman yang berpancaroba itu telah lahir pemikiran agung dan pemikir agungnya. Zaman Chunqiu (770 SM - 476 SM) dan Zhanguo (475 SM - 221 SM) adalah zaman yang penuh dengan pancarobanya. Selepas mendahului tiga dinasti, Hsia, Shang dan Zhou, yang terletak di bawah pemerintahan agung selama lebih daripada 2,500 tahun, negara China kemudiannya memasuki era huru hara yang

berlarutan yang mengambil masa lebih daripada 500 tahun lamanya. Ajaran Konfuzi di peringkat awal telah menganggap zaman itu zaman kekacauan politik, keruntuhan adat, kelemahan muzik dan kemerosotan *dao*. Di zaman itu menteri membunuh rajanya, anak membunuh ayahnya, dan ia juga adalah zaman manusia mengutamakan kemewahan benda. Justeru itu, golongan atasan dan bawahan berebutan kepentingan dengan negaranya terjurumus ke dalam bahaya, dan hubungan antara sebuah negara dengan yang lain saling merebut kekayaan. Maka tercetuslah peperangan di bawah langit dengan dunia menjadi huru hara. Namun demikian, banyak sarjana yang berpengetahuan dan tokoh yang gah lagi berbakat besar telah lahir masa ini. Di bidang pemikiran, tokoh pemikir besar seperti Laozi, Zhuangzi, Kongfuzi, Mengzi, Xunzi, Mozi, Guanzi, Han Feizi dan lain-lain telah lahir di zaman yang serba mencabar itu

Kongfuzi lahir di zaman huru hara seperti itu (551 SM - 479 SM). Beliau menjadi pegawai untuk masa yang singkat di negeri Lu. Oleh sebab raja negeri Lu itu bersikap gasang, tidak mempedulikan soal negara, maka Kongfuzi telah meletakkan jawatannya untuk pergi ke tempat lain. Walaupun penglibatan beliau secara langsung dalam politik tidaklah lama, tetapi sangatlah panjang beliau hidup berpolitik. Dengan rela, beliau mula belajar dengan bersungguh-sungguh sejak usia 15 tahun sehingga usia 70 tahun, iaitu sampai beliau tidak berupaya lagi. Beliau berkecimpung di bidang pendidikan, memilih dan menyunting buku sajak yang kesemuanya berhubung dengan hal ehwal politik. Dalam tempoh yang panjang itu, beliau juga mengembara dan mengelilingi banyak negeri dan menggunakan peluang itu untuk meyakinkan raja-raja di negeri yang dilawati untuk melaksanakan pentadbiran kerajaan yang mengamalkan konsep *ren* dan kesempurnaan amalan budi pekerti. Sepanjang hayatnya, Kongfuzi amat mengambil berat tentang soal hal ehwal pentadbiran negara. Sehubungan itu, beliau adalah ahli fikir yang mempunyai pengalaman dan idealismenya.

Pandangan beliau dalam pentadbiran yang berlandaskan kepentingan manusia *ren* dan kesempurnaan amalan akhlak itu disasarkan secara khusus kepada zaman hidupnya. Ini disebabkan pada masa itu, hal ehwal politik negara dimonopoli kaum bangsawan dan golongan atasan yang juga mempunyai hak istimewa dalam pendidikan. Mengetahui itu, Kongfuzi dengan serta merta bukan sahaja menganjurkan, tetapi juga melaksanakan idealisme “mendidik tanpa membezakan jenis latar belakang kedudukannya” untuk memecahkan tanggapan tentang kelas. Untuk itu, beliau mencadangkan “pentadbiran *ren* - amalan akhlak” untuk digunakan sebagai piawai bagi menjustifikasikan orang yang berjiwa besar dan berkebolehan itu dipilih. Kesemua itu mempunyai semangat pemulihan, selain boleh digunakan untuk merentasi batasan ruang dan masa. Semasa hayat Kongfuzi, tampuk pentadbiran negara dipegang raja secara turun-temurun: diwarisi daripada ayah kepada anak. Semasa mengembara mengelilingi pelbagai negeri, beliau sudah nampak dan dengar ramai sekali raja zalim telah mengambil alih teraju kepemimpinan, lantaran telah memudaratkan negara dan membahayakan rakyat. Kongfuzi sebaliknya menjulang tinggi kecemerlangan moral politik Yao-

Shun, Wu Taibo, Yan Ling Jizi dan menggunakannya untuk mengkritik secara kiasan perbuatan anak yang mewarisi kedudukan ayahnya. Pada masa yang sama, beliau mencadangkan bahawa bermula daripada raja sehingga rakyat jelata, semuanya mesti berlandaskan membaiki budi pekerti diri; selepas membaiki budi pekerti diri dan menjaga keluarga, barulah layak untuk mentadbir negara, dan mengamankan kolong langit. Dengan itu, semua rakyat jelata, kaum bangsawan, sarjana dan pegawai dalam masyarakat China feudal mempunyai kedudukan sama rata. Di sisi pertimbangan moral, raja dan rakyat adalah setaraf. Maknanya, syarat asas mentadbir negara bagi mengamankan kolong langit itu terletak pada amalan budi pekerti manusia, dan bukannya pada latar belakang keluarga atau kedudukannya dalam masyarakat atau kekayaannya. Daripada kaca mata Kongfuzi dan juga ajaran Konfuzi, sekiranya tidak mempunyai akhlak tinggi, orang itu tidak layak menjadi pemimpin, orang yang tidak mempunyai *ren* juga tidak layak menjadi pemimpin, orang yang tidak mempunyai sifat manusia tidak perlu diperkatakan lagi! Pandangan politik sedemikian adalah baru dan tulen dalam masyarakat feudal waktu itu!

Bagaimana baru boleh mencapai wilayah politik “pentadbiran *ren* amalan akhlak”? Ia pastinya bermula daripada pendidikan. Justeru itu, Kongfuzi menggunakan konsep *ren* untuk mendidik insan dengan harapan setiap manusia dapat mengamalkannya. Beliau menggunakan konsep *yi* [keadilan - penterjemah] untuk mengajar manusia agar dapat membezakan antara yang betul dengan yang salah dan juga yang benar dengan yang palsu; menggunakan konsep *zhong* [taat-setia – penterjemah] bagi mengajar manusia agar tahu bagaimana berhadapan dengan orang daripada golongan atasan; menggunakan konsep *xiao* [ketaatan kepada ibu bapa- penterjemah] mengajar insan bagaimana berkelakuan sebagai anak; menggunakan konsep *li* [adat – penterjemah] mengajar insan bagaimana menerima pemberian orang; menggunakan konsep *lian* [kebersihan – penterjemah] untuk mengajar manusia tidak menerima kekayaan yang tidak sepatutnya diperoleh; menggunakan konsep *chi* [naluri malu – penterjemah] untuk mengajar manusia agar mempunyai hati nurani yang tahu merasai malu secara mendalam dan memupuk penghormatan diri; dan akhir sekali menggunakan konsep *xin* [amanah dan kepercayaan – penterjemah] untuk mengajar manusia supaya boleh percaya mempercayai dan beramanah.

Kongfuzi juga menyentuh konsep *zhengming* [nama yang betul – penterjemah] sebagai kaedah untuk mentadbir negara. Yang dinamakan sebagai “nama yang betul” ialah membezakan dengan jelas nama, jawatan, kuasa dan tanggung jawab di kalangan pegawai kerajaan. Ini untuk mengelakkan orang yang tidak sepatutnya berada di tempat tertentu itu turut berpolitik di dalamnya dan seterusnya memporak-perandakan sistem pentadbiran, mencetuskan krisis hal-ehwal manusia, menyebabkan kecekapan menurun dan akhirnya semangat menjadi luntur. Oleh sebab itu, katanya, “Nama yang tidak betul akan membawa kepada kata yang tidak lancar; daripada kata yang tidak lancar akan membuat kerja menjadi tidak dapat dilakukan; kerja yang tidak dapat dilakukan akan

membuat adat dan muzik menjadi tidak makmur; adat dan muzik yang tidak makmur akan menyebabkan denda dan hukuman menjadi tidak tepat, denda dan hukuman yang tidak tepat itu akan membuat rakyat menjadi serba salah” (Artikel Zilu: Bahagian 3). Ajaran Konfusi memandang berat soal membuat diri sendiri menjadi teladan kepada rakyat, lantaran dapat membuat rakyat merasa yakin. Zi Zhang bertanya soal pentadbiran kepada Kongfuzi yang menjawab bahawa orang yang memegang tampuk pemerintahan hendaklah yang tidak beristirahat dalam hatinya, harus mengerjakan sesuatu dengan hati yang setia (Artikel Yanyuan: Bahagian 14). Zi Lu bertanya soal mengendalikan pentadbiran kepada Kongfuzi yang menjelaskan: “Berusaha untuk memenatkan diri sendiri dahulu.” Zi Lu bertanya lagi dan dijawab Kongfuzi “Tanpa mengetahui penat dan lelah.” Ini semua menunjukkan makna menjadikan diri sebagai teladan. Yang dinyatakan Mengzi, “Jika raja mengamalkan *ren*, maka tidak ada orang bawahan tidak akan mengamalkannya; jika raja itu adil, tidak ada rakyat yang tidak adil; sekali raja dibetulkan, negara itu pastilah aman” juga membawa maksud yang sama (Artikel Lilou: Bahagian Awal).

Selain kepemimpinan melalui teladan, Kongfuzi amat menitikberatkan pemilihan orang yang berkebolehan dan yang berjiwa besar untuk mentadbir dan mengurus negara. Beliau tahu, lemah tidaknya dan makmur tidaknya negara terletak pada tepat tidaknya manusia itu digunakan. Jika diambil orang yang berbakat dan berjiwa besar untuk mentadbir negara, negara itu pasti akan menjadi makmur; jika diambil orang yang tidak beberapa baik, negara itu pasti akan menjadi lemah dan mundur; jika diambil sanak saudara raja yang tidak mempunyai kemahiran dan tidak berpendidikan, negara akan berada dalam keadaan berbahaya. Anak murid Kongfuzi, Zi Hsia pernah berkata: “Shun mempunyai kolong langit, memilih Gao Yao daripada khalayak ramai, maka orang yang tidak mengamalkan *ren* telah diketepikan. Tang mempunyai kolong langit, memilih Yi Yi, daripada khalayak ramai, orang yang tidak mengamalkan *ren* telah diketepikan” (Artikel Yanyuan: Bahagian 22). Sebaliknya, jika orang yang tidak mempunyai kemampuan itu menduduki tempat yang penting, orang yang mempunyai kebolehan akan menjauhkan diri; orang yang tidak mempunyai kebolehan boleh berganding bahu untuk mengusir orang yang mempunyai kebolehan, maka orang yang berkebolehan itu sekali pergi tidak akan kembali lagi.

Selain memilih orang yang berjiwa besar dan melantik orang yang mempunyai kebolehan, pemimpin hendaklah juga mempunyai rasa menyayangi rakyatnya. “Menyayangi manusia” adalah jawapan Kongfuzi kepada anak muridnya Panchi. Menyayangi manusia adalah juga menyayangi rakyat. Selain menyayangi rakyat, Kongfuzi turut mencadangkan “agar ditambah kepada kekayaan rakyat.” Sewaktu mengembara mengelilingi banyak negeri, iaitu ketika melalui negeri Wei, ujar Kongfuzi: bilangan penduduknya sangatlah ramai! Murid beliau, Ranyou, bertanya lagi: Bilangan penduduk yang ramai itu, apakah bilangan yang sepatutnya? Jawab Kongfuzi: membuat mereka menjadi kaya dan berasa cukup (Artikel Zilu: Bahagian 9). Ini bermaksud bahawa syarat kebendaan juga sangat

penting. Rakyat menganggap makan adalah perkara utama dalam hidup, maka “mencukupkan makanan” menjadi cara mentadbir negara yang tidak boleh diabaikan. Ranyou bertanya lagi: Untuk membuat mereka itu kaya, apakah pula yang sepatutnya? Jawapan Kongfuzi ialah memberi pendidikan yang sebaiknya (Artikel Zilu: Bahagian 9). Sesungguhnya, beliau telah sepanjang masa memberi khubah sebagai profesionnya.

Kongfuzi mempunyai satu lagi konsep yang juga ditujukan kepada pemerintah waktu itu, iaitu *xin* [keyakinan – penterjemah]. Zigong bertanyakan soal pentadbiran yang dijawab Kongfuzi: “Cukup makanan, cukup askar, rakyat merasa yakin.” Tanya Zigong lagi: “Kalau perlu digugurkan satu daripada ketiga-tiganya, mana yang boleh digugurkan dahulu?” Ujar Kongfuzi: “Gugurkan askar.” Zigong bertanya lagi: “Kalau terpaksa digugurkan satu daripada kedua-duanya itu, mana yang boleh didahulukan?” Jawab Kongfuzi: “Gugurkan makanan, kerana sejak dahulu lagi semua orang akan mati, tetapi rakyat tanpa berkeyakinan tidak boleh berdiri” (Artikel Yanyuan: Bahagian 10). Bagaimana baru boleh mendapat kepercayaan rakyatnya? Jawab Kongfuzi: “Dalam mengendalikan negara yang mempunyai ribuan buah kereta askar, kita mesti teliti menjalankan tugas dan mengasihi manusia, dan mengerahkan rakyat kenalah tepat waktunya” (Artikel Xue-er: Bahagian 5). Jika dapat berbuat demikian, pemimpin itu akan mendapat kepercayaan daripada rakyatnya; bila boleh mendapat kepercayaan rakyatnya, ia akan memenangi hati rakyatnya; kerajaan yang tidak dapat memenangi hati rakyatnya itu pasti akan musnah pada akhirnya. “Pentadbiran yang mendapat sokongan rakyatnya sudah mendapat negaranya; kehilangan sokongan daripada rakyatnya, pemimpin itu akan kehilangan negaranya” (*Daxue*). Ini adalah tata cara yang tidak berubah dari dahulu hingga sekarang dalam mentadbir negara.

Jika boleh digunakan satu perkataan untuk menyimpulkan pandangan, pemikiran dan idealisme politik Konfuzi, perkataan itu adalah “*zheng*” [pentadbiran – penterjemah]. Kongfuzi berpendapat “Pentadbir itu lurus dan tegak” (Artikel Yanyuan: Bahagian 17). Lurus dan tegak itu bermakna tidak senget atau serong, tidak condong atau terpesong. Sehubungan itu, Mengzi menjelaskan: “Sekiranya tubuh kita lurus dan tegak, maka kolong langit akan kembali kepadanya” (Artikel Lilou: Bahagian Awal). Sekiranya pemimpin berasa di jalan yang benar, mengerjakan hal yang benar, siapa berani membuat yang tidak betul? (Artikel Yanyuan: Bahagian 17). Politik yang betul adalah untuk memperbetulkan perkara yang tidak betul dan tidak adil dalam masyarakat dan negara. Jika kerajaan boleh berbuat demikian, aman dan sentosalah rakyatnya, negara yang sedemikian boleh membuat “orang yang dekat merasa sukacita, orang yang jauh suka datang” (Artikel Zilu: Bahagian 16).

Sebagai kesimpulan, jika negara boleh menggunakan insan sebagai tunjangnya dengan pentadbiran *ren* menjadi amalan akhlak sebagai bentuknya, dengan nama yang betul menjadi arah, dan juga memilih orang yang berjiwa besar dan berkebolehan itu sebagai strategi, maka negara itu akan semakin mendekati *dao*. Ajaran Konfuzi awal hanya menggunakan 107 patah perkataan

bahasa Cina untuk menyimpulkan keseluruhan kerajaan yang unggul ini. Tulisannya ringkas dan tepat, maknanya mendalam, idealismenya bermartabat tinggi, maka adalah penulisan politik manusiawi yang sukar ditemui di mayapada ini. Seluruh penulisan itu adalah seperti yang berikut:

Apabila aturan kesempurnaan dilaksanakan, dunia akan menjadi keluarga yang dikongsi sama semua orang. Yang berjiwa besar dan yang berkeelayakan itu akan dilantik untuk memegang jawatan awam, dengan orang yang berkebolehan itu memegang jawatan yang menguntungkan masyarakatnya. Dengan itu, keamanan dan amanah di kalangan rakyat akan menjadi rukun hidup. Hasilnya, semua orang akan menyayangi dan menghormati ibu bapa dan anak sendiri. Begitulah, dengan ibu bapa dan anak-orang lain. Begitulah juga keprihatinan terhadap orang tua, pekerjaan orang dewasa, pemakanan dan pendidikan kanak-kanak. Begitulah juga ada tempat pergantungan untuk janda dan duda, dan mereka yang merasa diri kesepian di dunia, dan juga mereka yang tidak berkeupayaan. Setiap lelaki dan wanita mempunyai peranan yang sesuai dalam keluarga dan masyarakat. Perasaan perkongsian itu akan menggantikan perasaan mementingkan diri dan juga keghairahan terhadap kebendaan. Tanggung jawab awam itu tidak membenarkan diri kita merasa tidak berguna. Dengan itu tidak akan berlaku komplot dan subahat untuk keburukan. Penjahat seperti pencuri dan penyamun tidak akan wujud. Dengan itu, pintu setiap rumah tidak perlu dan tidak pernah dikunci dan berselak siang malam. Keadaan ini menggambarkan ciri dunia yang unggul, dan negara yang harmoni [Penterjemah].

NOTA

- ¹ Kolong langit diterjemahkan daripada konsep *tianxia* (天下) yang bermaksud segala di bawah langit, dunia atau bumi China dan boleh juga diertikan sebagai kekuasaan pemerintahan.
- ² *Li* (里) adalah satu bentuk ukuran klasik yang digunakan bagi mengukur jarak. Satu *li* berukuran sama dengan 1/2 kilometer.

(Sumber asal makalah 儒家的理想政府 karya 吴德耀 ini dipetik daripada buku 儒家伦理研讨会论文集 yang disunting 劉述先. Singapore: The Institute of East Asian Philosophies, 1987: 179-185)

Penterjemah: Lim Kim Hui, Ph D
Department of Malay-Indonesian Studies
Hankuk University of Foreign Studies
270 Imun-dong, Dongdaemun-gu
Seoul 130-791
KOREA.

Emel: limkimhui@yahoo.com